

ISO 9000 IPTA bukan jaminan kualiti kursus

KOTA KINABALU: Pentauliahian pensijilan ISO 9000 kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tidak memberi jaminan kualiti pendidikan ditawarkan diiktiraf oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan.

Timbalan Pengarah Bahagian Jaminan Kualiti jabatan itu, Prof Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin, berkata keutamaan diberikan kepada kualiti kursus ditawarkan dan graduan dilahirkan.

Katanya, tindakan tegas tetap dikenakan terhadap institusi menerima anugerah itu sekiranya kursus ditawarkan bermutu rendah dan tidak menepati piawai ditetapkan oleh kementerian berkenaan.

Beliau berkata pihaknya turut mengutamakan jaminan kualiti dari aspek keupayaan institusi terbabit mendedahkan pelajar kepada penguasaan pemikiran kritikal.

"Banyak IPTA yang berlumba-lumba untuk mendapatkan pensijilan ISO 9000 dan langkah itu perlu dipuji, bagaimanapun bukan bermakna kualiti pengajian ditawarkan diiktiraf," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan umum bertajuk 'Kualiti Pendidikan' di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Teluk Likas, di sini semalam.

Ditanya mengenai sasaran mewujudkan 75 peratus tenaga pengajar memiliki ijazah doktor falsafah (PhD) di semua universiti menjelang 2007, beliau berkata, semua IPTA mempunyai perancangan sendiri untuk mencapainya.

Ketika ini, katanya, universiti awam giat menghantar pensyarah untuk mengikuti pengajian di dalam dan luar negara, terutama membabitkan bidang kritikal pada peringkat itu.



UMS
MALAYSIA SABAH